



TEMA 10

PERMAINAN TRADISIONAL



Anda akan dapat belajar mengenai,

- ✓ Mengenali permainan tradisional di Malaysia
- ✓ Cara bermain permainan tradisional congkak dan layang-layang

PERMAINAN TRADISIONAL

Permainan tradisional ialah permainan yang mula dimainkan oleh orang Melayu zaman dahulu.

JENIS PERMAINAN TRADISIONAL DI MALAYSIA


 (https://bm.cari.com.my/portal.php?mode=view&aid=3631)	 (https://pgmall.my/Congkak-Kayu-Free-Guli43972091705461)	 (https://www.dictio.id/t/bagaimana-cara-bermain-permainan-tradisional-lompat-tali/24828)
Batu seremban	Congkak	Lompat tali
 (https://www.locco.com.my/2020/12/29/wau-penghias-dada-langit/Wau/)	 https://www.123rf.com/photo_14288657/traditional-game-called-gasing-or-top-spinning-gasing-is-malaysia-popular-heritage-game-for-tourist.html	 https://www.heritage.gov.my/ms/arkelogi-senarai-aktiviti/item/135-penvelidikan-dan-survei-saintifik-kota-long-jaafar-fasa-1.html
Wau/Layang-layang	Gasing	Dam haji
 (https://shaffik.com/2011/09/13/apa-dah-jadi-dengan-sepak-takraw-malaysia/)	 http://photography-illusions.blogspot.com/2018/12/ting-ting.html	 https://naathilya.blogspot.com/2019/12/permainan-tradisional.html
Sepak raga	Ting-ting	Galah panjang

PERMAINAN CONGKAK

Cara bermain congkak

Langkah demi langkah cara bermain congkak.

Sediakan:





Pemain (2 orang)

Cara bermain:

Langkah 1:



Bahagikan guli sama rata antara 2 orang pemain.

Langkah 2:



Setiap pemain memasukkan 7 biji guli ke dalam setiap 7 buah lubang rumah.

Langkah 3:



Kedua-dua orang pemain akan mengambil semua guli dari salah satu lubang rumah masing-masing dan masukkan satu persatu ke dalam lubang bersebelahan termasuk lubang ibu sendiri sehingga habis.

Langkah 4:



Apabila guli di tangan sudah habis, berhenti bermain dulu sehingga pemain 2 juga telah habis. Setelah itu, ulangi langkah yang sama.

<p>Langkah 5:</p> <p>Ulang langkah bermain yang sama sehingga semua guli dalam lubang rumah sendiri telah habis.</p>	<p>Langkah 6:</p> <p>Kira jumlah guli dalam lubang ibu masing-masing. Pemain yang memiliki guli paling banyak adalah pemenang.</p>
---	---

MARI BERTUTUR

Sila baca, dengar (Audio) dan tonton (Video) dengan teliti berkenaan situasi pertuturan di bawah. Seterusnya, sila berlatih bertutur semula.

Audio dan video boleh didapati dalam laman web Kit BM.

**Rakaman video menggunakan sebutan tidak baku. Jadi, akan ada sedikit perbezaan dengan skrip menggunakan Bahasa baku Bahasa Melayu di bawah.*

Situasi 10.1 Memperkenalkan Permainan Tradisional Congkak

Latar tempat: Di sebuah pondok

Ali : Azman

Azman : Eh, Ali.

Ali : Awak sedang bermain permainan apa?

Azman : Saya sedang bermain congkak. Permainan ini merupakan permainan tradisional.

Ali : Oo, begitu. Apa lagi permainan tradisional selain congkak?

Azman : Selain congkak, terdapat permainan seperti dam haji, wau, layang-layang, batu seremban, gasing, guli dan banyak lagi.

Ali : Wah! Menariknya.

Awak selalu bermain permainan ini pada waktu bila?

Azman : Saya selalu bermain pada waktu lapang, tidak kira pagi, petang atau malam.

Ali : Oo, begitu. Nanti boleh saya bermain sekali.

Azman : Boleh, sudah tentu.

Situasi 10.2 Cara Bermain Congkak

Latar tempat: Di Sebuah pondok

Ali : Boleh awak ajar saya cara bermain congkak?

Azman : Boleh, apa salahnya. Permainan congkak ini menggunakan guli dan papan congkak.

Ali : Oo... Berapakah biji guli yang diperlukan untuk bermain permainan ini?

Azman : Sebanyak 98 biji guli diperlukan untuk bermain permainan ini.

Ali : Apakah lubang-lubang yang ada pada papan congkak?

Azman : Lubang-lubang ini yang perlu dimasukkan guli.

Terdapat 14 lubang rumah untuk 2 kampung dan 2 lubang ibu.

Ali : Berapa orang pemain diperlukan untuk bermain permainan ini?

Azman : Permainan congkak memerlukan hanya dua orang pemain sahaja.

Ali : Jadi, bagaimanakah cara bermain congkak?

Azman : Begini, setiap pemain perlu mengambil guli dari mana-mana lubang rumah dan memasukkannya ke dalam lubang ibu masing-masing secara berturutan. Pemain yang memiliki guli yang paling banyak dalam lubang ibu adalah pemenang.

Ali : Oo, menarik. Boleh saya bermain?

Azman : Boleh. Marilah bermain.

Situasi 10.3 Memperkenalkan Permainan Tradisional Layang-layang

Latar tempat: Di padang permainan

Ahmad : Azman...

Azman : Eh, Ahmad.

Ahmad : Awak sedang bermain permainan apa?

Azman : Saya sedang bermain layang-layang.

Ahmad : Layang-layang?

Azman : Layang-layang merupakan permainan tradisional yang diperbuat daripada kayu sebagai rangka dan kertas ataupun plastik untuk membuat badannya.

Ahmad : Wah! Cantiknya layang-layang awak.

Azman : Betul! Setiap layang-layang mempunyai pelbagai bentuk dan corak yang menarik seperti layang-layang saya mempunyai ekor.

Ahmad : Bagaimanakah cara bermain layang-layang?

Azman : Layang-layang memerlukan dua orang pemain dan dimainkan di kawasan yang luas.

Ahmad : Kenapa memerlukan dua orang pemain?

Azman : Seorang akan memegang layang-layang dan seorang lagi akan memegang tali. Apabila angin bertiup, tali akan ditarik melawan arus angin sehingga layang-layang terbang ke udara.

Ahmad : Oo, begitu. Bolehkah saya bermain bersama awak?

Azman : Boleh, sudah tentu. Marilah.

LATIHAN

Latihan 1: Kata Bersilang

Cari lima jenis permainan tradisional yang ditemui dalam kata bersilang di bawah.

l	g	a	s	i	n	g	r	s	a	g	e	k
e	p	a	p	u	t	k	g	e	r	u	n	t
s	e	c	o	n	g	k	a	k	y	l	d	i
d	a	g	s	i	n	g	n	y	a	i	a	k
h	w	s	p	i	t	a	l	m	t	a	d	e
b	a	t	u		s	e	r	e	m	b	a	n
n	u	r	s	i	l	g	k	a	y	a	p	a
p	k	r	p	a	s	t	a	k	n	a	n	u

Latihan 2

Nyatakan nama permainan berdasarkan gambar di bawah.

Gambar	Nama permainan
	



Latihan 3

Berdasarkan gambar di bawah, Azman dan rakannya sedang bermain apa?



Jawapan: Azman dan rakannya sedang bermain_____.

Latihan 4

Suai padan gambar di bawah dengan nama permainannya.

